

13/05/1997

Mengapa penulis Malay Dilemma tukar pendirian

Mior Kamarul Shahid

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu lagi mempertahankan hujahnya dalam buku The Malay Dilemma yang diterbitkan pada 1970 dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada 1982. Pandangan Dr Mahathir terhadap ketidakupayaan orang Melayu untuk mencapai kejayaan terbukti tidak benar lagi sekarang.

Dr Mahathir sudah tukar pendirian. Beliau tidak percaya lagi dengan apa yang dituliskannya dalam The Malay Dilemma. Perubahan pendiriannya itu berasaskan kepada hakikat bahawa hari ini orang Melayu boleh melakukan apa saja, malah menjadi guru kepada banyak kaum lain di dunia.

Kita cuba mendalami perubahan pendirian Dr Mahathir ini dengan melihat beberapa kemungkinan. Ketika membuat pendiriannya 27 tahun lalu, yang kita anggap sebagai pendapat politik, Dr Mahathir mungkin tidak mengambil kira secara terperinci kemajuan sesuatu bangsa adalah satu 'proses'. Proses boleh mengubah pendapat politik secara beransur-ansur.

Proses juga memperkuatkan tindakan politik. Namun ia perlu digerakkan dan memerlukan orang yang sanggup menggerakkannya. Pendiriannya itu dibuat ketika pemikiran orang Melayu masih tidak seimbang akibat sistem ekonomi yang berpihak kepada golongan tertentu. Mungkin juga ketika itu tidak ada pendorong berwawasan yang begitu kuat sebagaimana yang ada hari ini.

Akibatnya persaingan bebas tidak berlaku dalam masyarakat manakala kuasa pula dipusatkan dalam tangan golongan atau kelas tertentu, berdasarkan penguasaan tahap ekonomi. Kita tahu kelas yang memiliki kaedah pengeluaran bahan pastinya mampu menguasai minda masyarakat.

Rasanya perkara ini tidak perlu dijelaskan dengan terperinci kerana jika melihat kepada struktur masyarakat Malaysia, kita memang dipecah-pecahkan secara terancang.

Soalnya, siapakah yang mencorakkan perubahan baru ini? Apakah ia dicorakkan oleh masa, keadaan atau tekanan. Dilihat daripada kronologi sejarah, semua faktor itu, di samping beberapa faktor lain yang menyebabkan tercetusnya Tragedi 13 Mei 1969, turut menyumbang.

Tetapi kita juga tidak boleh menafikan bahawa inspirasi utama datangnya daripada Dr Mahathir sendiri. Dr Mahathirlah yang mengemudi hala tuju ini selepas mencabar kepercayaannya yang lalu dan cuba membuktikan persepsinya terhadap kebolehan orang Melayu, adalah silap. Bertitik tolak daripada pandangan dalam bukunya itu, Dr Mahathir mungkin cuba mengubah idea, nilai dan pendapat politik.

Dr Mahathir terus bertindak dan cuba mengubah kecenderungan masyarakat berasaskan kepada kepercayaan, nilai dan pengharapan bahawa sesuatu harus dilakukan untuk bangsanya. Namun dalam tuntutan masyarakat Malaysia, ia perlu dilakukan secara teliti dengan mengambil kira kepentingan semua kaum. Ini memang sering ditegaskannya. Nasib orang Melayu tidak akan berubah jika kerajaan menafikan hak kaum lain kerana ia adalah faktor kestabilan negara yang amat penting.

Dalam proses membawa perubahan, Dr Mahathir menggabungkan elemen parti politik, pendapat elit dan hubungan institusi. Di negara ini kita mempunyai pelbagai institusi yang digerakkan untuk menjaga kepentingan rakyat. Institusi yang ada terus berinteraksi dengan rakyat. Ada yang berfungsi memberi pinjaman atau biasiswa, ada juga yang memberi bantuan kewangan, baja, kepakaran dan kebelakangan ini pula menyelidikan dan pembangunan (R&D).

Kesan daripada proses itu, rakyat mula mengubah persepsi yang dianggap

perkara paling sukar dalam sesuatu pembentukan proses. Ketika dijajah British, memang wujud kesedaran bersungguh-sungguh bahawa orang Melayu mesti dibawa bersama dalam arena politik kerana ia adalah variasi dalam penentuan sosial. Tanpa membabitkan orang Melayu dalam politik, sukar bagi mereka bertindak balas dengan idea pemimpin.

Orang Melayu perlu memahami erti pembangunan terlebih dulu sebelum mereka dapat menggambarkan kenikmatan pembangunan.

Selepas itu, barulah orang Melayu dibabitkan dengan pembangunan, jadi pengusaha, kontraktor dan sebagainya. Jika betul sangkaan kita maka tidak hairanlah jika Dr Mahathir menyebut anak penanam padi pun mampu memiliki syarikat kapal terbang. Namun semua itu tidak wujud semena-mena. Setiap orang perlu berusaha sejak di bangku sekolah lagi.

Dulu orang Melayu perlu dijelaskan mengapa mereka harus menghantar anak mereka ke sekolah.

Maka terpaksa pemimpin Umno menjelajah ke kampung-kampung memberitahu ibu bapa, dengan memberi pendidikan kepada anak akan membolehkan mereka membuat keputusan yang bijak.

Mereka bukan saja bijak menentukan masa depan bangsa mereka, malah bijak menentukan kerajaan. Jika rakyat tidak bijak membuat keputusan, mereka mungkin memilih parti lain untuk memerintah negara ini.

Disebabkan mereka tahu Barisan Nasional (BN) lebih baik, mereka pastikan gabungan parti diterajui Umno itu terus diberi kepercayaan mentadbir negara. Begitu juga apabila Dr Mahathir memberikan pelbagai idea untuk meningkatkan tahap kemajuan rakyat, gagasannya lebih mudah diterima kerana rakyat dapat memberi pertimbangan dengan wajar.

Pendidikan yang diberi kepada rakyat terbukti mampu mengubah pandangan yang lebih baik daripada apa yang mereka percaya sebelumnya di samping mengawal pandangan, idea, nilai dan tindakan. Sekarang, jika Dr Mahathir mahu membawa kemajuan negara ini lebih jauh, kita yakin ia lebih mudah dilaksanakan.

(END)